

# SEKITAR PERSOALAN SOLAT JAMAK DAN QASAR

## MUQADIMAH

Manusia dalam hidupnya menghadapi bermacam-macam cabaran dan keadaan. Di antaranya ialah apabila berada dalam keadaan yang menyusahkan mereka untuk melaksanakan solat (sembahyang) pada waktunya.

Misalnya:

1. Susah bagi seseorang itu untuk melaksanakan solat, samada solat berjamaah ataupun bersendirian seperti dalam keadaan musafir, sakit, lemah, takut dan lain-lain.
2. Sukar bagi seseorang untuk melaksanakan solat berjamaah seperti hujan, salji, dingin, jalan berlumpur dan lain-lain.

Untuk mengatasi keadaan-keadaan tersebut maka Islam telah memberikan jalan penyelesaiannya iaitu dengan mengumpulkan dua solat pada satu waktu (Solat Jamak) dan meringkaskan solat 4 rakaat menjadi 2 rakaat (Solat Qasar) kerana Islam adalah satu sistem hidup yang merangkumi semua aspek kehidupan dan memberikan jalan penyelesaian terhadap semua masalah hidup yang dihadapi oleh manusia.

## SOLAT JAMAK

### Pengertian Solat Jamak

Menurut Etimologi, solat jamak bererti solat yang dikumpul. (1)/Dan menurut Terminologinya, solat jamak ialah : Mengerjakan dua solat yang tertentu pada satu waktu, samada dikerjakan pada waktu solat pertama atau waktu kedua. (2)/Contohnya, solat Zuhur dan Asar kedua-duanya dikerjakan pada waktu Zuhur atau pada waktu Asar. Demikian juga solat Maghrib dan Isyak kedua-duanya boleh dikerjakan pada waktu Maghrib atau Isyak.

Oleh yang demikian solat jamak ini dibagi kepada dua bentuk:

1. Jamak Taqdim (awal) iaitu mengerjakan dua solat pada waktu solat pertama, misalnya solat Zuhur dan Asar dikerjakan pada waktu Zuhur, atau solat Maghrib dan Isyak dikerjakan pada waktu Maghrib.

2. Jamak Takkhir (akhir) iaitu mengerjakan dua solat pada waktu solat kedua, misalnya solat Zuhur dan Asar dikerjakan pada waktu Asar atau solat Maghrib dan Isyak dikerjakan pada waktu Isyak.

Solat jamak ini hanya dibolehkan untuk solat Zuhur dengan Asar dan Maghrib dengan Isyak. Sebaliknya solat Subuh tidak boleh dijamak (dikumpul) dengan solat fardhu lain, ia tetap dikerjakan pada waktunya sendiri.

### **Cara Mengerjakan Solat Jamak. (3)**

1. Solat Jamak Taqdim

Misalnya, solat **Zuhur dan Asar** kedua-duanya dikerjakan **pada waktu Zuhur**. Mula-mula kita solat **Zuhur 4 rakaat seperti biasa**, dan **di dalam solat Zuhur** ini juga kita mesti **berniat akan mengerjakan sembahyang Asar** setelah selesai solat zuhur tersebut, samada kita berniat **di permulaan atau di pertengahan atau di akhir** solat Zuhur tersebut. **Setelah selesai solat Zuhur**, kita pun mengerjakan solat Asar 4 rakaat **dengan niat** : “Saya solat fardhu asar 4 rakaat jamak taqdim kerana Allah Ta’ala”. Kemudian kita sempurnakan solat Asar tersebut seperti biasa hingga selesai.

**Begitu juga caranya bagi solat Maghrib dan Isyak** (Maghrib 3 rakaat dan Isyak 4 rakaat) dan **di dalam solat Maghrib berniat akan mengerjakan solat Isyak**. Adapun **niat solat Isyak** ialah : “Saya solat fardhu Isyak 4 rakaat jamak taqdim kerana Allah Ta’ala”.

2. Solat Jamak Takkhir

Misalnya, solat **Zuhur dan Asar** kedua-duanya dikerjakan **pada waktu Asar**. Mula-mula **pada waktu Zuhur** kita mesti **berniat akan mengerjakan solat Zuhur** tersebut **pada waktu Asar**, samada kita berniat **diawal atau pertengahan atau di akhir** waktu Zuhur. Kemudian **pada waktu Asar** barulah kita mengerjakan solat **Zuhur 4 rakaat dengan niat** : “Saya solat fardhu Zuhur 4 rakaat jamak takkhir kerana Allah Ta’ala”: **Setelah selesai solat Zuhur** tersebut, **kita pun mengerjakan solat Asar 4 rakaat seperti biasa**. Boleh juga kita kerjakan solat Asar lebih dahulu seperti biasa kemudian barulah kita mengerjakan solat Zuhur dengan niat seperti di atas.

**Begitu juga caranya bagi solat Maghrib dan Isyak** iaitu **di waktu Maghrib** kita **berniat akan mengerjakan solat Maghrib** tersebut **pada waktu Isyak**. Kemu-

dian **pada waktu Isyak** kita kerjakan **solat Maghrib 3 rakaat dengan niat** : “Saya solat fardhu Maghrib 3 rakaat jamak takkhir kerana Allah Ta’ala”. **Setelah itu** barulah kita mengerjakan **solat Isyak 4 rakat seperti biasa**. Atau mengerjakan solat Isyak terlebih dahulu kemudian barulah mengerjakan solat Maghrib dengan cara seperti di atas.

### **Dalil-dalil Kecharusan solat Jamak**

Banyak Hadis yang menerangkan bolehnya Solat Jamak, antara lain:

1. Hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim yang bererti: “Sesungguhnya Nabi s.a.w. telah mengumpul (mengerjakan solat Jamak) antara solat Zuhur dan Asar”.(4)
2. Hadis dari Ibnu Abbas yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim yang bererti : “Rasulullah s.a.w. telah mengerjakan solat jamak antara solat Zuhur dengan Asar dan solat Maghrib dengan Isyak”.(5)
3. Hadis Ibnu Abbas yang diriwayatkan oleh Muslim yang bererti : “Rasulullah s.a.w. telah mengerjakan solat jamak antara solat Zuhur dengan Asar dan Maghrib dengan Isyak di Madinah”. (6)

### **Hukum Solat Jamak**

Adapun hukum mengerjakan solat jamak ialah harus. (7) Ini bererti bahawa seseorang yang cukup syarat boleh mengerjakan solat jamak dan boleh pula mengerjakan solat biasa iaitu mengerjakan setiap solat pada waktunya masing-masing.

### **Sebab-sebab dan Syarat-syarat Solat Jamak**

Solat jamak tidak boleh dikerjakan tanpa sebab-sebab yang diterima oleh syarat. Sebab-sebab tersebut ialah:

- A. Musafir.
- B. Berada di Arafah dan Muzdalifah kerana menunaikan ibadah Haji.
- C. Keadaan seseorang seperti sakit, lemah dan lain-lain.
- D. Keadaan alam seperti hujan, salji, sejuk dan lain-lain.

## A. Musafir

Musafir ialah orang yang berpergian (mengadakan perjalanan) dari tempat bermukim ke tempat lain (kawasan, kampung atau bandar lain) samada jarak perjalanan itu jauh atau dekat, misalnya seseorang yang bermukim di Kuantan mengadakan perjalanan ke Pekan, ke Kuala Lumpur atau ke negeri lain, seperti Selangor, Johor dan sebagainya.

Musafir dibagi kepada 2 macam: (8)

- a. **Musafir jauh** iaitu musafir yang jarak perjalanannya ialah 80.64 km atau lebih (jarak antara tempat bermukim dengan tempat yang dituju).

Orang yang musafir jauh boleh mengerjakan solat jamak samada jamak taqdim atau jamak takkhir dengan syarat-syarat tertentu, berdasarkan hadis nabi yang bererti: "Adalah Rasulullah s.a.w. mengerjakan solat jamak antara solat Zuhur dengan Asar jika baginda sungguh-sungguh mengadakan perjalanan". (9)

### Syarat-syarat solat Jamak bagi musafir jauh (10)

Syarat-syarat jamak taqdim:

- i. Niat musafir ke tempat tertentu.
- ii. Perjalanan tersebut bukan untuk tujuan yang haram.
- iii. Berniat pada solat pertama bahawa akan mengerjakan solat kedua seperti "Cara mengerjakan solat jamak".
- iv. Tertib iaitu mendahulukan solat pertama daripada solat kedua, seperti mendahulukan solat Zuhur daripada solat Asar.
- v. Berturut-turut iaitu setelah selesai mengerjakan solat pertama hendaklah segera mengerjakan solat kedua.

### Syarat-syarat jamak takkhir:

- i. Niat musafir ke tempat tertentu.
- ii. Musafir tersebut bukan untuk tujuan haram.
- iii. Berniat dalam waktu solat pertama bahawa akan mengerjakan solat pertama tersebut pada waktu solat kedua seperti pada pembahasan "Cara mengerjakan solat jamak".

- b. **Musafir dekat**, iaitu musafir yang jarak perjalanannya kurang dari 80.64 km. (jarak antara tempat bermukim dengan tempat yang dituju).

Orang yang musafir dekat boleh mengerjakan solat jamak, samada jamak taqdim atau jamak takkhir jika musafir tersebut menyebabkan timbulnya kesusahan atau hal-hal yang memberatkan dia untuk mengerjakan setiap solat pada waktunya masing-masing, misalnya:

- i) Seorang yang bermukim di Kuantan berangkat ke Pekan pada pukul 6.30 petang dengan berjalan kaki atau menaiki basikal atau beca dan pada jangkaannya akan sampai di tempat istirehat pada pukul 8.00 malam, maka susah baginya untuk mengerjakan solat Maghrib dalam perjalanan. Oleh yang demikian ia dibolehkan mengerjakan solat jamak takkhir setelah sampai di tempat istirehat.
- ii) Seseorang yang bermukim di Kuantan berangkat ke Kuala Pahang bersama anak kecilnya, bertolak pada pukul 3.30 petang dan menjangka akan sampai di tempat istirehat pada pukul 5.30 petang, tetapi besar kemungkinan ia akan terkena najis anaknya sebelum sampai ke tempat istirehat tersebut dan hal ini menyusahkannya untuk solat Asar, sedangkan sampai ke Kuala Pahang dijangka pada pukul 7.00 malam, maka dalam hal ini ia boleh mengerjakan solat jamak taqdim sebelum ia berangkat.
- iii) Seorang yang bermukim di Pekan berangkat ke Kuantan pada pukul 3.30 petang dan ia tak boleh singgah di tempat istirehat kerana ada hal penting yang memerlukan ia sampai di Kuantan secepat mungkin seperti ada program penting atau membawa orang sakit yang memerlukan rawatan segera sedangkan sampai di Kuantan dijangka pada pukul 7.00 malam, maka ia boleh mengerjakan solat jamak taqdim sebelum ia berangkat.

Adapun dalil yang membolehkan solat jamak bagi orang yang musafir dekat yang mengalami kesusahan dan kesulitan, ialah Hadis Ibnu Mas'ud yang diriwayatkan oleh Thabrani yang bererti : "Rasulullah s.a.w. telah mengerjakan solat jamak antara solat Zuhur dengan Asar dan Maghrib dengan Isyak, kemudian orang bertanya kepada Rasulullah tentang hal tersebut maka baginda menjawab : Saya buat demikian agar umatku tidak mengalami kesulitan dan kesusahan".(11)

#### **Syarat-syarat solat jamak bagi orang musafir dekat**

Adapun syarat-syarat solat jamak bagi orang yang musafir dekat adalah sama

dengan syarat-syarat solat jamak bagi orang yang musafir jauh baik jamak taqdim ataupun jamak takkhir. (12)

#### **Catatan:**

Sesetengah ulamak tidak menggalakkan orang yang musafir dekat mengerjakan solat jamak. Mereka berpendapat bahawa orang yang musafir hanya dibolehkan mengerjakan solat jamak jika ia musafir jauh, bukan musafir dekat. (13)

#### **Masa yang dibolehkan solat jamak bagi orang musafir**

Orang yang musafir dibolehkan mengerjakan solat jamak mulai dari setelah ia berniat untuk musafir sampai ia bermukim, samada ia bermukim kerana telah kembali ke tempatnya semula (tempat ia bermukim sebelum musafir) atau bermukim kerana ia berniat untuk menetap di tempat yang dituju atau ditempat lain selama 4 hari atau lebih tidak dihitung hari sampai ditempat itu dan hari keluar dari tempat tersebut. (14)

Sesetengah ulamak berpendapat bahawa seseorang itu dianggap bermukim jika ia berniat untuk menetap selama 15 hari atau lebih (golongan Hanafi). (15)

Misalnya, seseorang yang musafir dari Kuantan ke Kuala Lumpur boleh mengerjakan solat jamak setelah ia berniat untuk musafir walaupun ia masih berada di rumahnya dan ia boleh mengerjakan jamak taqdim, umpamanya ia berangkat pukul 3.00 petang maka ia boleh mengerjakan solat Zuhur dan Asar jamak taqdim di rumahnya. Kemudian bila sampai di Kuala Lumpur, jika ia berniat menetap di sana selama 4 hari atau lebih maka mulai pada hari pertama ia menetap (tidak termasuk hari ia sampai di Kuala Lumpur) ia tidak boleh mengerjakan solat jamak lagi sehingga ia keluar dari Kuala Lumpur. Kemudian apabila ia keluar dari Kuala Lumpur samada ia hendak pulang ke tempatnya semula atau hendak meneruskan perjalanan ke tempat lain, maka mulai dari hari ia keluar, ia boleh mengerjakan solat jamak kembali sampai ia tiba di rumahnya (Kuantan). Sekiranya di Kuala Lumpur ia hanya menetap selama 3 hari (tidak termasuk hari pertama tiba di Kuala Lumpur dan hari keluar dari Kuala Lumpur) maka ia boleh mengerjakan solat jamak terus menerus mulai masa ia bertolak dari rumahnya (Kuantan) sehingga ia kembali dan tiba di rumahnya (Kuantan).

#### **B. Berada di Arafah dan Muzdalifah**

Orang-orang yang menunaikan ibadah haji sewaktu berada di Arafah dan Muzdalifah, dibolehkan mengerjakan solat jamak kerana susah dan payah untuk mengerjakan setiap solat pada waktunya masing-masing. Hal ini berdasarkan Hadis Ibnu

Mas'ud yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim yang bererti: "Demi Allah yang tiada Tuhan selainnya sesungguhnya Rasulullah s.a.w. mengerjakan solat pada waktunya kecuali 2 solat : solat jamak antara Zuhur dengan Asar di Arafah dan solat jamak antara Maghrib dengan Isyak di Muzdalifah".(16)

Daripada keterangan hadis di atas maka jamaah haji boleh mengerjakan solat jamak pada dua tempat:

1. Di Arafah (17) setelah masuk waktu Zuhur dengan mengerjakan solat jamak taqdim bagi solat Zuhur dan Asar.
2. Di Muzdalifah dengan mengerjakan solat jamak takkhir bagi solat Maghrib dan Isyak kerana jamaah haji bertolak dari Arafah sebelum Maghrib dan sampai di Muzdalifah pada waktu malam.

Syarat-syarat jamak taqdim di Arafah ialah sama dengan tiga syarat terakhir jamak taqdim bagi orang musafir (18) iaitu:

- i. Berniat pada solat pertama bahawa akan mengerjakan solat kedua.
- ii. Tertib.
- iii. Berturut-turut.

Syarat-syarat jamak takkhir di Muzdalifah ialah : Berniat dalam waktu solat pertama, sebagaimana syarat terakhir jamak takkhir bagi orang musafir. (19)

#### **Catatan:**

Jumhur Ulama berpendapat bahawa solat jamak di Arafah dan Muzdalifah hukumnya adalah sunat.

#### **C. Keadaan Seseorang**

Yang dimaksudkan dengan keadaan seseorang ialah keadaan-keadaan yang menyebabkan seseorang merasa berat dan susah untuk mengerjakan setiap solat pada waktunya masing-masing, seperti:

1. Sakit yang tidak boleh dielakkan (penyakit yang selalu datang) umpamanya pitam, gila babi, sakit kepala, keluar darah penyakit bagi perempuan (istihadah), air kencing menitis keluar yang tidak menentu dan lain-lain.

2. Lemah disebabkan terlalu tua atau kerana cacat.
3. Takut terhadap keselamatan dirinya atau hartanya seperti dalam keadaan bahaya atau dalam keadaan huru-hara.
4. Susah untuk mengetahui waktu solat seperti orang buta yang tinggal seorang diri di rumahnya, sedangkan kedua orang tuanya pergi bekerja dari pagi sampai malam, maka susah baginya untuk bertanya kepada jirannya pada setiap waktu solat.

Semua orang yang mengalami keadaan di atas boleh mengerjakan solat jamak samada jamak taqdim atau jamak takkhir, berdasarkan hadis Ibnu Mas'ud yang diriwayatkan oleh Thabrani sebagaimana yang telah diterangkan dalam pembahasan "Musafir dekat".

Berpegang kepada hadis tersebut maka para ulamak berpendapat bahawa semua orang yang mengalami keadaan-keadaan tersebut di atas boleh mengerjakan solat jamak. (20)

#### **D. Keadaan Alam**

Yang dimaksudkan dengan keadaan alam ialah keadaan alam yang menyukarkan anggota jamaah masjid untuk pulang ke rumah dan datang semula ke masjid untuk solat berjamaah, seperti:

1. Hujan
2. Salji turun.
3. Udara sangat dingin.
4. Jalan berlumpur dan gelap.

Dalam keadaan di atas semua anggota jamaah yang berada di masjid boleh mengerjakan solat jamak taqdim antara solat Zuhur dengan Asar dan Maghrib dengan Isyak.

Di antara hadis yang menerangkan masalah ini ialah hadis Ibnu Abbas yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim yang bererti : "Rasulullah s.a.w. telah mengerjakan solat jamak antara solat Zuhur dengan Asar dan Maghrib dengan Isyak bukan kerana takut dan bukan kerana musafir, Imam Malik berkata : Yang demikian itu ialah kerana hujan". (21)



Adapun keadaan-keadaan yang lain (salji, dingin dan lumpur) para ulama mengibaratkannya seperti hujan dan hukumnya sama dengan hukum hujan.” (22)

### **Syarat-syarat Jamak kerana keadaan Alam (23)**

1. Keadaan tersebut (hujan dan lain-lain) mesti wujud (ada) pada waktu:
  - a. Permulaan dan akhir solat pertama (solat Zuhur atau Maghrib)
  - b. Permulaan solat kedua (Asar atau Isyak) walaupun di antara waktu-waktunya tersebut hujan atau salji atau dingin berhenti sebentar.
2. Tertib.
3. Berturut-turut.
4. Niat akan mengerjakan solat kedua pada waktu mengerjakan solat pertama sebagaimana syarat jamak taqdim bagi orang yang musafir.
5. Solat kedua (Asar dan Isyak) mestilah solat berjamaah.
6. Solat tersebut mestilah diadakan di masjid atau di surau yang jauh dari rumah anggota jamaah sehingga susah bagi mereka untuk pulang dan datang kembali ke masjid.

## **SOLAT QASAR**

### **Pengertian Solat Qasar**

Menurut Etimologi solat qasar bererti : Solat yang dipendekkan. (24)

Menurut Terminologi solat qasar ialah : Meringkaskan solat dari 4 rakaat menjadi 2 rakaat dengan syarat-syarat tertentu. Oleh kerana itu solat yang boleh diqasar (diringkas) ialah solat Zuhur, Asar dan Isyak sahaja. Adapun solat Maghrib dan Subuh tidak boleh di qasar. (25)

Cara mengerjakan solat qasar sama dengan mengerjakan solat sunat dua rakaat, hanya niatnya saja yang berbeza (26) iaitu dengan niat :

1. Solat Zuhur: “Saya solat fardhu Zuhur 2 rakaat qasar kerana Allah Ta’ala.”

2. Solat Asar: "Saya solat fardhu Asar 2 rakaat qasar kerana Allah Ta'ala."
3. Solat Isyak: "Saya solat fardhu Isyak 2 rakaat qasar kerana Allah Ta'ala."

### **Dalil-dalil solat Qasar (27)**

Diantara dalil-dalil solat qasar ialah:

1. Fırman Allah yang bererti : Dan apabila kamu berpergian di muka bumi maka tidak mengapa kamu mengqasarkan solat jika kamu takut diserang oleh orang-orang kafir. (28)

Walaupun ayat ini menerangkan solat qasar dibolehkan bagi orang yang takut diserang oleh orang-orang kafir, tapi hadis nabi telah menerangkan ayat tersebut bahawa solat qasar juga dibolehkan bagi orang-orang yang dalam keadaan aman. Hadis tersebut diriwayatkan oleh Muslim yang bererti : "Yakla bin Umaiyah bertanya kepada Umar bin Khattab: Kenapa kita mengqasarkan solat sedangkan kita dalam keadaan aman? Maka Umar bin Khattab menjawab : Saya telah bertanya kepada Rasulullah maka baginda bersabda : itu (solat qasar) adalah pemberian Allah kepada kamu maka terimalah pemberiannya itu". (29)

2. Para ulamak juga sependapat (Ijmak) menyatakan bahawa solat qasar dibolehkan bagi orang-orang yang dalam keadaan aman. (30)

### **Hukum solat qasar**

Para ulamak berbeza pendapat (ikhtilaf) mengenai hukum solat qasar :

1. Hukumnya adalah harus. Ini adalah pendapat para ulamak mazhab Syafe'i dan Hambali.
2. Hukumnya adalah Sunat Muakkad. Ini adalah pendapat para Ulamak mazhab Hanafi dan Maliki. (31)

Adapun sebab-sebab yang membolehkan solat qasar hanyalah musafir saja, tidak ada sebab lain yang membolehkan solat qasar. (32).

### **Syarat-syarat solat qasar (33)**

Syarat-syarat qasar ialah:

1. Musafir jauh, iaitu jarak perjalanan dari tempat bermukim ke tempat yang dituju tidak kurang daripada 80.64 km. (2 marhalah)
2. Perjalanan tersebut bukan untuk tujuan yang diharamkan oleh syara' seperti musafir untuk merompak dan lain-lain.
3. Niat pergi musafir ke tempat tertentu, jika seseorang musafir ke tempat yang tidak pasti atau mengikut ke mana saja kawannya pergi, maka ia tidak boleh mengerjakan solat qasar.
4. Orang yang musafir sudah berangkat dan sudah melewati perbatasan kampung atau bandar tempat ia bermukim, misalnya seorang yang bermukim di Kuantan musafir ke Kuala Lumpur, mulai bertolak dari rumah menuju ke Kuala Lumpur, apabila ia melewati perbatasan bandar Kuantan barulah ia boleh mengerjakan solat qasar. Demikian juga seorang yang bermukim di Beserah, apabila ia melewati perbatasan kampung Beserah barulah ia boleh mengerjakan solat qasar.
5. Jika orang yang musafir mengerjakan sembahyang qasar berjamaah, maka Imam sembahyang mestilah orang musafir yang solat qasar juga.
6. Niat mengerjakan solat qasar sama seperti yang telah diterangkan pada pembahasan "Cara mengerjakan solat qasar."

### **Masa yang dibolehkan solat qasar**

Seorang musafir yang cukup syarat dibolehkan mengerjakan solat qasar mulai dari masa sesudah ia melewati perbatasan kampung atau bandar tempat ia bermukim (seperti pada pembahasan "Syarat-syarat solat qasar") dan berakhir apabila:

1. Orang yang musafir tersebut bermukim di tempat yang dituju atau di tempat lain selama 4 hari atau lebih (tidak termasuk hari masuk dan hari keluar dari tempat tersebut) sebagaimana pada pembahasan "Masa yang boleh solat jamak bagi orang musafir."
2. Orang yang musafir sampai di perbatasan kampung atau bandar tempat asalnya dalam perjalanan pulang, sebagaimana solat qasar dibolehkan setelah melewati perbatasan tersebut maka ia berakhir setelah kembali sampai di perbatasan tersebut. (34)

## KESIMPULAN

Kita telah mengetahui daripada pembahasan pertama bahawa orang yang musafir jauh dibolehkan mengerjakan solat jamak. Kemudian daripada pembahasan kedua ini (solat qasar) kita mengetahui bahawa orang yang musafir jauh dibolehkan juga meringkaskan sembahyang daripada 4 rakaat menjadi 2 rakaat, maka dengan demikian orang yang musafir jauh dibolehkan mengerjakan solat jamak dan solat qasar sama ada jamak taqdim atau jamak takkhir iaitu mengerjakan dua solat yang telah diringkaskan pada satu waktu (mengqasarkan dan menjamakkan solat) jika orang yang musafir tersebut telah melewati perbatasan kampung atau bandar. Misalnya solat Zuhur dan Asar dikerjakan pada waktu Zuhur atau pada waktu Asar dengan mengerjakan solat Zuhur dua rakaat dan solat Asar dua rakaat. Demikian juga solat Maghrib dan Isyak.

Adapun cara mengerjakannya hampir sama dengan cara mengerjakan solat jamak hanya berbeza ialah bilangan rakaat (dua rakaat) dan niatnya iaitu:

### a) Solat qasar dan jamak taqdim

Bagi solat Zuhur dan Asar

1. Mengerjakan solat Zuhur 2 rakaat dengan niat:  
"Saya solat fardu Zuhur 2 rakaat qasar kerana Allah Ta'ala"
2. Setelah selesai solat Zuhur, kita mengerjakan solat Asar dengan niat: "Saya solat fardu Asar 2 rakaat qasar dan jamak taqdim kerana Allah Ta'ala".

Bagi solat Maghrib dan Isyak:

1. Mengerjakan solat Maghrib 3 rakaat seperti biasa.
2. Setelah selesai solat Maghrib, kita mengerjakan solat Isyak 2 rakaat dengan niat: "Saya solat fardu Isyak 2 rakaat qasar dan jamak taqdim kerana Allah Ta'ala".

### b) Solat qasar dan jamak takkhir

Bagi solat Zuhur dan Asar:

1. Pada waktu Asar kita mengerjakan solat Zuhur 2 rakaat dengan niat: "Saya solat fardhu Zuhur 2 rakaat qasar dan jamak takkhir kerana Allah Ta'ala".

2. Setelah selesai solat Zuhur kita mengerjakan solat Asar 2 rakaat dengan niat: “Saya solat fardhu Asar 2 rakaat qasar kerana Allah Ta’ala”.

Bagi solat Maghrib dan Isyak:

1. Mengerjakan solat Maghrib 3 rakaat seperti biasa dengan niat: “Saya solat fardhu Maghrib 3 rakaat jamak takkhir kerana Allah Ta’ala”.
2. Setelah selesai solat Maghrib, kita mengerjakan solat Isyak 2 rakaat dengan niat: “Saya solat fardhu Isyak 2 rakaat qasar kerana Allah Ta’ala”.

## **Buku-buku Rujukan.**

1. Al-Qur'an al-Karim.
2. Al-Munjid, oleh Fardinand al-Yasu'i, cetakan ke 23.  
Penerbit : Dar al-Masyriq, Bairut - Lebanon.
3. A Dictionary of Modern Written Arabic, oleh Hans Wehr, cetakan ke 3.  
Penerbit: Maktabah Lubnan, Beirut - Lebanon.
4. Al-Umm, oleh Imam Syafe'i. terjemahan oleh Prof. Tk. H. Ismail Yakub SH, MA. cetakan pertama.  
Penerbit : CV. Faizan, Semarang Indonesia.
5. Fiqh Syafi'i, oleh H. Idris Ahmad SH. cetakan Pertama.  
Penerbit : Pustaka Antara, Kuala Lumpur - Malaysia.
6. Hikmah al-Tasyri' wa Falsafatuhu, oleh Syeikh Ali Ahmad al-Jurjawi.  
Penerbit : Muassasah al-Halabi, Kaherah - Mesir.
7. Kitab al-Fiqh 'ala al-Mazahib al-Arba'ah, oleh Abd. Rahman al-Jazairi.  
Penerbit : Maktabah Lubnan, Beirut - Lebanon.
8. Nihayah al-Muhtaj, oleh Syamsuddin al-Ramli.  
Penerbit : Mathba'ah al-Halabi, Kaherah - Mesir.
9. Shalat Qashar dan Jamak, oleh HSA Alhamdani, cetak Pertama.  
Penerbit : Alharmain Sdn. Bhd, Kuala Lumpur - Malaysia.
10. Yas'alunaka fi al-Din wa al-Hayah, oleh Dr. Ahmad al-Syarbashi.  
Penerbit : Dar al-Jail, Bairut - Lebanon.

**Nota:**

- (1) m.s. 101                    lihat *al-Munjid*, oleh *Fardinand al-Yasu'i*  
m.s. 135                    *A dictionary of Moodern*, oleh *Hans Wehr*
- (2) m.s. 483                    lihat *Kitab al-Fiqh Ala al-Mazahib al-Arbaah*, juzuk I,  
oleh *Abd. Rahman al-Jaziri*
- (3) m.s. 271, 276,            lihat *Fiqh Syafi'i jilid I*, oleh *H. Idris Ahmad SH*  
277
- (4) m.s. 272                    lihat *Fiqh Syafi'i jilid I*, oleh *H. Idris Ahmad SH*
- (5) m.s. 273                    lihat *Fiqh Syafi'i*, jilid I, oleh *H. Idris Ahmad SH*
- (6) m.s. 274                    lihat *Fiqh Syafi'i* jilid I, oleh *H. Idris Ahmad SH*
- (7) m.s. 483                    lihat *Kitab al-Fiqh ala al-Mazahib al-Arbaah*, juzuk I,  
oleh *Abd. Rahman Al-Jaziri*  
m.s. 273                    *Nihayah al-Muhtaj*, juzuk 2, oleh *Syamsuddin al-Ramli*
- (8) m.s. 15,21,23            lihat *Shalat Qashar dan Jamak*, oleh *HSA Alhamdani*
- (9) m.s. 272                    lihat *Fiqh Syafi'i*, jilid I, oleh *H. Idris Ahmad SH*
- 10) m.s. 274                    lihat *Nihayah al-Muhtaj*, juzuk 2, oleh *Syamsuddin al-Ramli*
- (11) m.s. 72                    lihat *Shalat Qashar dan Jamak*, oleh *HSA Alhamdani*
- (12)                            lihat pembahasan "*Musafir jauh*"
- (13) m.s. 483                    lihat *kitab al-Fiqh Ala al-Mazahib al-Arbaah*, juzuk I,
- (14) m.s. 269 & 275            lihat *Fiqh Syafi'i jilid I*, oleh *H. Idris Ahmad SH*  
*Kitab al-Fiqh Ala al-Mazahib al-Arbaah*, juzuk I  
oleh *Abd. Rahman al-Jaziri*  
m.s. 486
- (15) m.s. 478                    lihat *Kitab al-Fiqh Ala al-Mazahib al-Arbaah*, juzuk I  
oleh *Abd. Rahman al-Jaziri*

- (16) m.s. 487                    *lihat Kitab al-Fiqh Ala al-Mazahib al-Arbaah, juzuk I*
- (17)                                *Pada 9hb. Dzulhijjah semua jamaah Haji mengerjakan wukuf di Arafah*
- (18)                                *lihat pada pembahasan "Musafir"*
- (19)                                *lihat pada pembahasan "Musafir"*
- (20) m.s. 483-488                *lihat Kitab al-Fiqh Ala al-Mazahib al-Arbaah, juzuk I, oleh Abd. Rahman al-Jaziri*
- (21) m.s. 273                      *lihat Fiqh Syafi'i jilid I, oleh H. Idris Ahmad SH*
- (22) m.s. 486                      *lihat Kitab al-Fiqh Ala al-Mazahib al-Arbaah, juzuk I, oleh Abd. Rahman al-Jaziri*
- (23) m.s. 486                      *lihat kitab al-Fiqh Ala al-Mazahib al-Arbaah, juzuk I, oleh Abd. Rahman al-Jaziri*
- m.s. 281                          *Nihayah al-Muhtaj, juzuk 2, oleh Syamsuddin al-Ramli*
- (24) m.s. 633                      *lihat al-Munjid, oleh Fardinand al-Yasu'i*  
m.s. 767                          *A Dictionary of Modern, oleh Hans Wehr*
- (25) m.s. 390                      *lihat al-Umm, oleh Iman Syafe'i*
- (26) m.s. 392                      *lihat al-Umm, oleh Iman Syafe'i*
- (27) m.s. 246                      *lihat Nihayah al-Muhtaj, juzuk 2, oleh Syamsuddin al-Ramli*
- (28) m.s. 38                        *lihat Fiqh Syafi'i juzuk I, oleh H. Idris Ahmad SH*  
m.s. 472                          *Yasalunaka fi al-Din wa al-Hayah, juzuk 2, oleh Dr. Ahmad Syarbashi*  
*Kitab al-Fiqh ala al-Mazahib al-Arbaah, juzuk I, oleh Abd. Rahman al-Jaziri*
- (29) m.s. 472                      *lihat Surat an-Nisa' ayat 101*



- (30) m.s. 472                    *lihat (sama seperti no. 6)*
- (31) m.s. 471                    *lihat (sama seperti no. 6)*
- (32) m.s. 138                    *lihat Hikmah al-Tasyri' wa Falsafatuhu, juzuk I,*  
    *oleh Syeikh Ali Ahmad al-Jurjawi*  
    *Nihayah al-Muhtaj, juzuk 2*  
    *oleh Syamsuddin al-Ramli*  
    m.s. 254
- (33) m.s. 472-478                *lihat Kitab al-Fiqh ala al-Mazahib al-Arbaah, juzuk I,*  
    *oleh Abd. Rahman al-Jaziri*  
    *Nihayah al-Muhtaj, juzuk 2*  
    *oleh Syamsuddin al-Ramli*  
    m.s. 257
- (34) m.s. 249-254                *lihat Nihayah al-Muhtaj, juzuk 2*  
    *oleh Syamsuddin al-Ramli*